

22/09/2001

Pelan tindakan jadikan Kedah negeri maju

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Jumaat - Kedah melancarkan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 (PTKM 2010) merangkumi pelbagai strategi dan dasar bagi memacu Kedah untuk muncul sebagai negeri maju dengan ekonomi mapan dan masyarakat progresif.

Pelancaran disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada majlis gilang-gemilang di hadapan kira-kira 10,000 hadirin di Dewan Seri Negeri, Wisma Darulaman, di Alor Star, semalam.

PTKM 2010 mengandungi dua aspek penting iaitu matlamat yang menggariskan arah pembangunan negeri dan pelan tindakan yang mengandungi cara mencapai matlamat berkenaan.

Fokus utama pembangunan adalah industri, maklumat komunikasi dan teknologi (ICT), pelancongan, pertanian, pendidikan, pembangunan sumber manusia, prasarana, pembangunan usahawan dan sosial serta kerohanian.

Bagi menjayakan matlamat itu, Wawasan PTKM 2010 adalah membangunkan ekonomi dinamik, progresif, kompetitif dan berdaya tahan.

Ia turut memastikan pembangunan seimbang dan membentuk masyarakat saksama, mewujudkan masyarakat berilmu dan jati diri serta pengukuhan institusi serta jentera pentadbiran.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata tumpuan pelaksanaan adalah berasaskan mekanisme baru serta infrastruktur moden dengan mengambil kira nilai holistik dan konsep mesra alam.

Ia turut mengandungi strategi dan program sosial menjayakan Dasar Pembangunan Masyarakat yang menumpukan kepada pembangunan pendidikan, agama Islam dan kemudahan asas.

PTKM 2010 memberi tumpuan terhadap kestabilan tiga sektor iaitu pemerintah selaku penggubal dasar, pelaksanaan dasar yang membabitkan pegawai Kerajaan Negeri dan Pusat serta perundangan.

"Ia bakal dilaksanakan melalui penerapan profesionalisme dan budaya kerja berasaskan nilai universal dan kemesraan supaya mampu mengurus sumber ekonomi, kewangan dan organisasi secara lebih berkesan dan cepat.

"Pelan itu turut mengutamakan dasar perbelanjaan berhemat bagi meminimumkan kos dan memaksimumkan hasil pembangunan sekali gus mengelak pemborosan dan pembaziran," katanya.

Ciri dan keistimewaan PTKM 2010 ialah mengutamakan pembangunan pengetahuan ekonomi berasaskan penggunaan teknologi maklumat, mewujudkan ekonomi perindustrian berorientasi eksport dan penggunaan sumber asli bersepadu lengkap dengan struktur perindustrian.

Pembangunan ekonomi pula kurang bergantung kepada sumber dan teknologi luar, sebaliknya mengutamakan pengetahuan sebagai faktor pengeluaran, di samping tanah, modal, buruh dan pengusaha.

Ia turut memastikan kewujudan pekerja berpengetahuan yang mahir lengkap dengan etika kerja dan teknologi maklumat serta menerap konsep pentadbiran korporat, seperti amanah, telus, berwibawa, bertanggungjawab dan disiplin.

Dalam sektor industri, langkah agresif dilaksanakan bagi menarik masuk pelaburan asing dan tempatan sebanyak RM1 bilion setahun yang merangkumi projek Kota Perdana Asean Industrial Metropolis di Bukit Kayu Hitam, Stesen Janakuasa Elektrik dan Industri Maritim di Yan dan Kawasan Industri Gurun dan Pokok Sena.

(END)